

## **PERLAWANAN SEPAK TAKRAW REGU**

ANJURAN

JABATAN BELIA DAN SUKAN CAWANGAN DAERAH BELAIT  
DENGAN KERJASAMA  
PERSATUAN SEPAK TAKRAW DAERAH BELAIT

**1. TUJUAN**

- 1.1 Untuk memberi galakkan dan dorongan kepada semua lapisan masyarakat mukim dan kampong Daerah ini supaya bergiat aktif dan cergas dengan melibatkan diri dalam kegiatan sukan.
- 1.2 Untuk mengembangkan kegiatan sukan seiring dengan pembangunan sosial, ekonomi dan pembangunan kerohanian dikalangan penduduk-penduduk mukim dan kampong.
- 1.3 Untuk memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dikalangan penduduk-penduduk mukim dan kampong di daerah ini.
- 1.4 Untuk melahirkan pemain yang sihat dan cergas, baik dari segi fizikal maupun mental disamping menilai pemain-pemain yang berpotensi untuk di ketengahkan bagi mewakili Daerah Belait dikejohanan peringkat kebangsaan.
- 1.5 Sebagai persediaan awal untuk membentuk pasukan Sepak Takraw Daerah Belait.

**2. ANJURAN**

- 2.1 Perlawanan ini dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Belait dengan kerjasama Persatuan Sepak Takraw Daerah Belait Sempena Hari Keputeraan KeBawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke 76 Tahun, 2022

**3. TARIKH DAN TEMPAT PERLAWANAN**

- Tarikh : 12 - 14hb Ogos 2022
- Tempat : Dewan Kompleks Sukan Mumong, Kuala Belait.
- Jam : 08.00 pagi hingga selesai

**4. ACARA YANG DIPERTANDINGKAN**

	<b>Kategori</b>
1	REGU Veteran 40 Tahun Ke Atas
2	REGU Bebas

## 5. SYARAT PENYERTAAN

- 5.1 Perlawanan ini di bukakan kepada penduduk Mukim yang bermastautin di Mukim masing-masing di Daerah Belait sahaja.
- 5.2 Para peserta adalah dimestikan untuk menyertai mukim masing-masing iaitu:
  - 5.2.1 Mengikut alamat yang tertera pada **kad pengenalan pintar** atau
  - 5.2.2 Hendaklah mengikut alamat **tempat bermastautin** dan hendaklah mendapat pengesahan daripada ketua kampong / penghulu masing-masing.
- 5.3 Setiap peserta adalah terdiri dari Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang memegang **kad pengenalan pintar** warna Kuning dan Merah dan Hijau yang tinggal / bertugas Daerah Belait sahaja.
- 5.4 Setiap **Mukim** hanya dibenarkan menghantar **Dua** pasukan sahaja. Dan dibenarkan mendaftar 5 orang pemain termasuk pemain simpanan.
- 5.5 **Seorang Pemain** hanya dibenarkan menyertai **SATU** kategori sahaja.
- 5.6 Setiap penyertaan hendaklah mengisikan **BORANG PENDAFTARAN PASUKAN** yang telah disediakan oleh pihak penganjur dengan lengkap dan hendaklah dikembalikan berserta wang pendaftaran.
- 5.7 Tarikh Tutup mengembalikan Borang penyertaan tidak lewat pada **01hb Ogos 2022** [ **Hari Isnin**] jam **3.30 Petang** di Kompleks Sukan Mumong, Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Belait Tel: 3335582 [ Unit Bhg.Sukan ] Fax : 3335583

## 6. BAYARAN PENDAFTARAN

- 6.1 **Yuran Pendaftaran bagi menyertai perlawanan ini adalah sebanyak – B\$25.00 [ Satu pasukan ]**
- 6.2 Wang pendaftaran digunakan untuk pembelian peralatan sukan.

## 7 UNDANG-UNDANG PERLAWANAN

- 7.1 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut undang-undang permainan yang dikeluarkan oleh ASTAF,ISTAF DAN PESTABARU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
- 7.2 **Tiada Warming-up bagi setiap pasukan dalam gelanggang sebelum memulakan perlawanan.**

**8 FORMAT PERLAWANAN**

- 8.1 Sistem perlawanan akan dijalankan secara **KNOCK OUT** hingga ke Peringkat Akhir ( ianya tertakluk pada jumlah penyertaan )
- 8.2 Kiraan mata perlawanan adalah 21 setiap set dan tambahan 2 jika mata 20 sama

**9 TATATERTIB PERLAWANAN**

- 9.1 Mana-mana pasukan dan pemain yang melanggar tatatertib perlawanan akan diambil tindakan tegas sesuai dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan setelah menerima keputusan daripada Ahli Jawatankuasa Perlawanan.
- 9.2 **Setiap Pengurus Pasukan hendaklah mempastikan setiap pemain berpakaian lengkap disepanjang perlawanan yang lazimnya dipakai bagi permainan Sepak Takraw [ Jersey, seluar pendek dan kasut yang sesuai ]. Jika didapati gagal berbuat demikian maka tindakan tatatertib akan diambil oleh pihak penganjur dan dikeluarkan dari menyertai perlawanan.**
- 9.3 Tiada siapa dibenarkan masuk ke dalam gelanggang permainan semasa perlawanan dijalankan untuk memberikan rawatan dan pertolongan kepada mana-mana pemain yang mendapat kecederaan atau seumpamanya kecuali mendapat arahan dari Pengadil yang bertugas.
- 9.4 **Hanya ketua Regu sahaja dibenarkan berhubung dengan Pengadil semasa perlawanan dijalankan.**

**10 PENGADIL /PENJAGA GARISAN**

- 10.1 Pengadil dan Penjaga Garisan terdiri daripada Pengadil yang pernah mengikuti kursus Pengadil Sepak Takraw di Daerah Belait dan dibantu sama oleh Ahli Jawatankuasa Penganjur.

**11. PEMAIN-PEMAIN**

- 11.1 Pemain tidak dibenarkan bertukar kepada pasukan lain setelah perlawanan dimulakan.
- 11.2 Pemain gantian dibenarkan pada bila-bila masa dengan permintaan daripada Pengurus Pasukan/ketua Pasukan kepada Pengadil Perlawanan [ gantian diberikan 2 kali sahaja dalam setiap set permainan ]
- 11.3 Pemain dimestikan memakai **Nombor Baju [ Jersey ] yang berdaftar** dan dipakai sepanjang perlawanan sehingga berakhir kejohanan ini [ Nombor baju adalah Bebas ].
- 11.4 **Ketua Regu dimestikan memakai tanda dilengkap kiri sepanjang perlawanan.**

## 12. PERATURAN AM

- 12.1 Pemain-pemain adalah diminta mematuhi/mengikuti peraturan dan syarat-syarat pertandingan yang telah dikeluarkan oleh pihak pengangur.
- 12.2 Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-
- 12.2.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **SYARAT DAN PERATURAN KEJOHANAN SEPAK TAKRAW**.
- 12.2.2 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah Muktamad.

## 13. BANTAHAN DAN RAYUAN

- 13.1 Sebarang bantahan dan rayuan mengenai sesuatu perkara boleh dibuat oleh Pengurus Pasukan secara bertulis kepada Juri Rayuan dalam tempoh tidak lebih dari 30 minit selepas tamat sesuatu pertandingan dengan wang cagaran tunai **BND\$200.00 [ Ringgit Brunei: DUA RATUS SAHAJA ]**
- 13.2 Sekiranya bantahan/rayuan itu munasabah dan diterima oleh Jemaah Juri Rayuan sebagai satu keputusan di dalam mesyuarat Jawatankuasa berkenaan maka wang cagaran akan dikembalikan.

## 14. HADIAH-HADIAH

- 14.1 Hadiah berupa pingat akan diberikan seperti berikut :-

Acara	Emas	Perak	Gangsa
Regu Veteran 40 Tahun Ke atas	1 [ 5 ]	1 [ 5 ]	1 [ 5 ]
Regu Bebas	1 [ 5 ]	1 [ 5 ]	1 [ 5 ]
Jumlah	10	10	10

BORANG PENDAFTARAN**SEPAK TAKRAW [ VETERAN 40 TAHUN KE ATAS ]**

NAMA PASUKAN				
NAMA PENGURUS				
ALAMAT PERHUBUNGAN				
NO PERHUBUNGAN	TEL. PEJABAT		TEL. BIMBIT	
	TEL. RUMAH		NO FAKS	
	EMAIL			

BIL	NAMA PEMAIN	TARIKH LAHIR	NO JERSEY	KEDUDUKAN
1				
2				
3				
4				
5				

Perhatian/Pengakuan:

1. Bersama ini disertakan wang pendaftaran sebanyak **B\$25.00**
2. Kami bersedia mematuhi segala peraturan dan syarat yang disediakan oleh pihak pengatur, apa jua keputusan mengenainya adalah sah dan muktamad.
3. Segala keterangan yang kami berikan diatas adalah benar

TANDATANGAN PENGURUS	TANDATANGAN PENGHULU MUKIM & COP RASMI
TARIKH	TARIKH

DITERIMA OLEH : \_\_\_\_\_

Tandatangan/Nama &amp; Tarikh

BORANG PENDAFTARAN**SEPAK TAKRAW [ BEBAS ]**

NAMA PASUKAN				
NAMA PENGURUS				
ALAMAT PERHUBUNGAN				
NO PERHUBUNGAN	TEL. PEJABAT		TEL. BIMBIT	
	TEL. RUMAH		NO FAKS	
	EMAIL			

BIL	NAMA PEMAIN	TARIKH LAHIR	NO JERSEY	KEDUDUKAN
1				
2				
3				
4				
5				

Perhatian/Pengakuan:

4. Bersama ini disertakan wang pendaftaran sebanyak **B\$25.00**
5. Kami bersedia mematuhi segala peraturan dan syarat yang disediakan oleh pihak pengajur, apa jua keputusan mengenainya adalah sah dan muktamad.
6. Segala keterangan yang kami berikan diatas adalah benar

TANDATANGAN PENGURUS	TANDATANGAN PENGHULU MUKIM & COP RASMI
TARIKH	TARIKH

DITERIMA OLEH : \_\_\_\_\_

Tandatangan/Nama &amp; Tarikh